

## SIARAN MEDIA

### UNTUK SIARAN SEGERA

#### **Program Jejak PKS Ketengahkan Potensi PKS Tempatan**

**Melaka, 3 Ogos 2019** –Program Jejak PKS Wilayah Selatan yang diadakan sempena Minggu Keusahawanan dan PKS 2019 anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensinya Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp. Malaysia) menyediakan platform bagi mengetengahkan potensi PKS tempatan. Program ini juga mempromosikan dan memberi pendedahan kepada umum mengenai produk dan perkhidmatan serta amalan perniagaan terbaik PKS yang dilawati.

Pada tahun ini, program Jejak PKS menampilkan syarikat HNH Construction & Services Sdn. Bhd yang mengeluarkan produk pemadam api yang beroperasi di Ayer Keroh, Melaka. Syarikat turut melancarkan produk baharu mereka iaitu pemadam api 1 kg yang telah berjaya mendapat persijilan SIRIM.

Syarikat HNH Construction & Services Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada tahun 2014 merupakan Kontraktor Berdaftar bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA). Syarikat adalah pengeluar dan pengedar alat pemadam api, kit bantuan kecemasan serta penggera asap di samping menawarkan perkhidmatan dalam bidang sistem perlindungan dan pencegahan kebakaran. Syarikat HNH Construction & Services Sdn. Bhd merupakan salah satu syarikat penerima bantuan untuk membeli mesin dan peralatan melalui Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia.

Majlis Menandatangani MoU di antara syarikat HNH Construction & Services Sdn. Bhd dan Koperasi Makmur Melaka Berhad (KOPERMA) turut diadakan semasa Program Jejak PKS Wilayah Selatan ini. Program ini disempurnakan oleh YB Norhizam Hassan Baktee, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian dan

Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Negeri Melaka bersama-sama Encik Zaky Moh, Ketua Pegawai Pembangunan Kluster, SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Khairiyah Jaafar di talian 06-2327512 atau emel – [khairiyah@smecorp.gov.my](mailto:khairiyah@smecorp.gov.my) atau Puan Zubidah Hassan di talian yang sama atau emel – [zubidah@smecorp.gov.my](mailto:zubidah@smecorp.gov.my)

**PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia (Melaka)

Aras 3, Menara MITC

Jalan Konvensyen, Hang Tuah Jaya

75450 Ayer Keroh

Melaka

Tel : 09-512 6677 / 6676

Fax : 09-512 6678

E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

Website : [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.